

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [ TAMPIN ]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan setiap rakyat Malaysia dapat mengecapi kemakmuran bersama / *shared-prosperity* seiring dengan dasar yang telah diperkatakan, dan bagaimana kemakmuran bersama ini dapat diterjemahkan dalam kehidupan bernegara kepada semua bangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) merupakan satu agenda nasional yang memandu hala tuju negara secara lebih holistik mulai tahun 2021 hingga 2030. Matlamat WKB adalah untuk menyediakan taraf hidup wajar atau dengan izin *decent standard of living* kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030.
2. Secara keseluruhannya, walaupun pertumbuhan ekonomi negara menunjukkan prestasi yang menggalakkan, namun ianya masih belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang optimum. Selain itu, terdapat pelbagai isu struktur yang perlu ditangani dalam usaha untuk melonjakkan ekonomi negara ke peringkat yang lebih tinggi.
3. Oleh yang demikian, objektif pertama WKB adalah untuk menstruktur semula ekonomi ke arah yang lebih progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi. Penekanan akan diberikan kepada peningkatan produktiviti sebagai salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi. Usaha juga akan dilaksanakan bagi menggalakkan industri untuk mempergiat aktiviti pertumbuhan ekonomi masa hadapan yang bernilai tinggi. Selain memperkukuhkan sektor pertumbuhan ekonomi sedia ada, Kerajaan akan terus meningkatkan inisiatif pendigitalan dan penerimgunaan teknologi secara lebih meluas terutamanya dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
4. Selain daripada isu struktur, masih wujud jurang ekonomi yang ketara di setiap peringkat kumpulan pendapatan, wilayah, etnik, dan rantai bekalan. Objektif kedua WKB akan menumpukan kepada usaha untuk merapatkan jurang tersebut. Jurang pendapatan yang ketara di antara kelas pendapatan berlaku berikutan pendapatan kumpulan isi rumah B40 lebih bergantung kepada penggajian dan kumpulan ini juga kurang memiliki aset yang boleh menjana pendapatan lain. Kerajaan yakin tumpuan kepada aktiviti ekonomi bernilai tinggi dan pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi akan menyumbang kepada usaha untuk merapatkan jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan.

## NO. SOALAN : 7

5. Di samping itu, Teras Strategik 5 WKB, Kesejahteraan Sosial, memberi penekanan kepada kebajikan semua kelompok masyarakat terutamanya golongan rentan ekonomi dan kumpulan isi rumah B40.

6. Dalam konteks jurang pembangunan antara wilayah, khususnya kawasan bandar dan luar bandar, Kerajaan sedar bahawa jurang pengagihan ekonomi antara kedua-dua kawasan semakin melebar. Dalam Teras Strategik Kedua, terdapat 15 cadangan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA). Antaranya ialah tumpuan kepada Pertanian Pintar yang akan meningkatkan produktiviti hasil tanaman terutamanya untuk agropreneur di luar bandar.

7. Selain itu, penekanan kepada Komoditi Malaysia 2.0 membolehkan tumpuan diberikan kepada penghasilan produk hiliran daripada komoditi, seperti sawit dan getah, supaya dapat menjana nilai ditambah dan pulangan yang lebih tinggi. Dalam Teras Strategik keenam WKB pula, iaitu Keterangkuman Wilayah, pemetaan titik tumpuan ekonomi, dengan izin, *economic hot spots*, akan dilaksanakan. Usaha ini bagi mengenal pasti kawasan luar bandar yang berpotensi sebagai pusat aktiviti ekonomi yang mampan. Malaysia akan memanfaatkan peluang daripada perkembangan peralihan ekonomi dunia dari Eropah ke Asia dengan menjadikan negara sebagai Hub Ekonomi ASEAN.

8. Bagi mengembleng pelbagai usaha di bawah WKB, dasar, strategi dan inisiatif khusus akan diterjemahkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

9. Kerajaan yakin dengan pertumbuhan ekonomi yang progresif dan mampan serta pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat; rakyat akan dapat hidup bersatu padu dengan meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya sebagai asas penyatuan negara.

Sekian, terima kasih.